

Personaliti sebenar seorang badut

FIGURA komedi terkenal dunia yang popular dengan naskah sitkom bersiri, *Mr. Bean* dan filem *Johnny English* berjaya menambat hati masyarakat dunia dengan lawaknya yang bersahaja.

Imej lawak yang dipamerkan Mr. Bean atau nama asalnya Rowan Atkinson di kaca televisyen bertentangan dengan personaliti sebenar.

Anda pasti menyangka Atkinson merupakan seorang yang lucu di luar set penggambaran. Namun, Atkinson menegaskan bahawa beliau seorang yang serius dan penonton tidak akan dapat melihatnya ketawa terbahak-bahak dalam rakaman pada babak yang tidak menjadi.

"Saya sebenarnya bukanlah seorang yang lucu. Saya menjadi seorang yang lucu ketika menjadi orang lain dan apabila perlu melakonkan babak lucu."

"Saya cenderung untuk menjadi tegas tetapi saya tiada masalah sewaktu berada

dalam babak komedi," katanya melalui wawancara bersama Cinemovie TV pada Oktober 2011.

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Dr. Zainal Madon berkata, tanggungjawab dalam menjalankan tugas dan kehidupan adalah dua perkara yang berbeza.

"Ahli teori kerjaya, John Holland menyatakan manusia memilih kerjaya yang sesuai dengan personaliti mereka. Namun, terdapat faktor lain yang menyebabkan manusia menceburi kerjaya tertentu.

"Apabila ini berlaku, maka wujudlah perwatakan harian yang tidak sama dengan watak dalam kerjaya," jelasnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Seperti manusia lain, badut juga mempunyai masalah biarpun mereka kelihatan gembira 24 jam.

Menurut Zainal, masalah kehidupan



ATKINSON bukanlah seorang yang lucu seperti di layar televisyen.

dan kerjaya adalah dua aspek yang berbeza dan badut tidak sunyi daripada masalah. Bagaimanapun, badut akan memakai topeng dan bertingkah laku seperti yang diperlukan ketika mereka bekerja.

Sekiranya perlu melayan atau memuatkan orang gembira, badut akan melakukan yang terbaik seperti yang diharapkan.

Tingkah laku badut yang mencuit hati berkaitan dengan personaliti sentiasa

gembira boleh dikategorikan dalam golongan individu ekstrovert. Ekstrovert merujuk kepada seorang yang ceria, mudah bergaul, sukakan keseronokan, spontan dan aktif.

Personaliti sebaliknya iaitu introvert ialah individu yang suka mengasingkan diri, kurang bergaul, gemarkan aktiviti berbentuk sendiri dan mengelak untuk terlibat dengan orang ramai.

Definisi lain bagi percanggahan personaliti seseorang itu boleh dikaitkan dengan perbuatan eskapisme atau satu kaedah membela diri yang wujud dalam diri seseorang.

Individu tersebut akan cenderung untuk berkelakuan lain dengan watak sebenar dirinya.

"Contohnya, mereka kelihatan tegas dan agresif ketika bertugas tetapi sebenarnya lemah lembut di luar.

"Ada pula individu yang nampak sentiasa senang hati ketika bekerja tetapi amat serius di luar tugas. Kemungkinan ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja," jelasnya.



ZAINAL